

ZAINAL ABIDIN AHMAD DAN TERATAK ZA'BA

Zainal Abidin Ahmad dikenali sebagai Za'ba mendapat anugerah Pendeta pada tahun 1956. Beliau juga dianugerahi ijazah kehormat oleh Universiti Malaya (1959) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (1973). Penganugerahan ini berdasarkan kesarjanaan Za'ba dalam bidang pengajian Melayu, khususnya dalam memajukan bahasa Melayu serta penglibatan aktifnya di negara kita.

- Za'ba menyumbang tenaga dan fikiran untuk membakti kepada masyarakat Melayu dan Islam di negara ini. Beliau menyedarkan masyarakat tentang kolonialisme dan imperialism. Beliau juga memberikan khidmat bakti dalam pelbagai kegiatan sosial dan penulisan akhbar, majalah dan buku.
- Za'ba mempunyai hubungan persahabatan dengan tokoh utama Kaum Muda seperti Sheikh Tahir Jalaluddin dan Syed Sheikh al-Hadi serta tokoh luar negara seperti Rashid Rida.
- Beliau juga menghasilkan puluhan rencana dalam *Utusan Melayu*, *Lembaga Melayu* dan *Majalah Guru*. Inti pati pemikiran Za'ba menyentuh persoalan politik, ekonomi dan sosial orang Melayu dalam pengertian yang lebih luas.
- Za'ba juga menguasai bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Beliau turut menyumbang rencana tentang Islam dalam majalah *The Muslim* (Singapura) dan *Islamic Review* (London) pada awal dekad 1920-an.
- Za'ba pernah bertugas di Biro Penterjemah, Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC). Ketika ini, beliau turut menerbitkan buku dalam bidang bahasa seperti nahu dan kamus, buku bacaan sekolah dalam pelbagai bidang seperti kesihatan, tanaman, geografi, sejarah serta novel. Pada masa inilah beliau menggunakan kesempatan mengemukakan pemikiran kritikannya terhadap kuasa penjajah.
- Ketika menjadi Ketua Jabatan Pengajian Melayu di Universiti Malaya di Singapura, Za'ba menyatakan hasrat untuk melihat kewujudan universiti yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Hasratnya tercapai apabila Universiti Kebangsaan Malaysia ditubuhkan pada tahun 1970. Cita-cita Za'ba untuk melihat rakyat memainkan peranan dalam menubuhkan institusi pengajian tinggi di negara ini menjadi kenyataan dengan penubuhan universiti ini.

Sumber: Adnan Haji Nawang, 2009. *Za'ba dan Melayu*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.



Teratak Za'ba dirasmikan oleh YAB Dato'Seri Utama Tan Sri Mohd Isa Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan pada 5 Februari 2001. Bangunan ini diperbuat daripada kayu cengal (penak) dan reka bentuknya bercirikan rumah tradisional Negeri Sembilan.

Di teratak ini, terdapat paparan kisah perjalanan hidup Za'ba dan kerjayanya dalam pelbagai bidang. Sumbangan beliau semasa di SITC dapat ditelusuri dengan melihat karyanya dan mesin taip yang digunakan semasa bertugas di sana. Peti nyanyi yang ada menunjukkan Za'ba peminat seni. Meja dan kerusi kayu asli digunakan oleh Za'ba, manakala ruang berkarya dipamerkan secara eksklusif yang menggambarkan peribadinya.



Sumber:

1. ipim.jmm.gov.my. Dicapai pada 2 Ogos 2019.
2. lmns.ns.gov.my. Dicapai pada 2 Ogos 2019.